

15/04/2003

KL20: DBKL jangka umum keputusan bantahan November

Haswari Ali

KUALA LUMPUR: Keputusan sesi mendengar bantahan mengenai Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (KL20) akan dibuat selewat-lewatnya November ini selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Datuk Bandar, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek berkata, untuk membolehkan draf pelan berkenaan diwartakan, sesi berkenaan akan dijalankan secara berperingkat bermula bulan ini supaya kepentingan serta suara orang ramai tidak diketepikan begitu saja.

"Sebagai langkah permulaan, satu persidangan oleh Jawatan Kuasa Mendengar Bantahan akan dibuat seminggu selepas Pameran KL20 yang diadakan selama sebulan bermula 10 Mac tamat 9 April lalu.

"Persidangan ini bersifat dua hala. Di mana mereka yang memfailkan bantahan bertulis itu, sama ada individu, persatuan atau kumpulan akan dipanggil untuk menerangkan bantahan mereka dan jawatan kuasa ini juga akan memberi penjelasan mengenai draf itu," katanya selepas pelancaran The Malay Mail Big Walk 2003, di Plaza Sungai Wang, semalam.

Mohamad Shaid berkata, selepas bantahan itu mendapat perakuan dari jawatankuasa berkenaan, ia akan diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Bagaimanapun pihaknya akan mengkaji semula bantahan berkenaan sebelum diserahkan kepada Jawatan Kuasa Penasihat Pelan Struktur.

"Semua ini akan diserahkan kepada menteri termasuk perdana menteri untuk mendapat pengesahan dan selepas keputusan dibuat barulah ia akan diwartakan.

"DBKL seterusnya akan membuat satu pelan terperinci dan ia akan dikemukakan kepada orang ramai untuk dinilai semula. Ia mengandungi program lengkap mengenai draf itu nanti. Malah sesi bantahan akan dibuka sekali lagi kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata, sesi mendengar bantahan pada peringkat itu, juga memakan masa yang sama dan selepas keputusan dicapai Draf KL20 tidak akan diubah sehingga pelaksanaannya selesai pada tahun 2020.

Beliau berkata, dalam masa yang sama juga, pihaknya akan menjalankan urusan pewartaan bagi cadangan yang tidak mendapat bantahan.

"Struktur pelan ini nanti menjurus kepada kehidupan bandaraya bertaraf antarabangsa kerana kita mahu rakyat hidup selesa dari segi pekerjaan, industri, ekonomi, teknologi maklumat dan komunikasi yang boleh memberi kesan kepada rakyat di negara ini," katanya.